

CNS1116

U GB 03-06 00156 BD992

bah

Mahathir - Islam

NEGARA ISLAM PERLU MENGEJAR KEKUATAN. KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Negara-negara Islam termasuk Malaysia perlu mengejar kekuatan kerana dunia sekarang ini menganggap kekuatan sebagai kebenaran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, untuk itu, perkara yang utama dan penting ialah menegakkan pemerintahan yang adil dan cekap supaya kemajuan yang dicapai setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

"Apabila sudah maju, maka baharulah persiapan dapat dibuat untuk menaikkan keupayaan pertahanan negara setaraf dengan negara-negara maju dalam semua bidang," katanya semasa merasmikan persidangan "Islam dan Keadilan" anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini.

Perdana Menteri berkata semenjak beberapa abad selepas keruntuhan empayar Islam dahulu, dunia telah dikuasai oleh negara-negara Barat.

Katanya, mereka bukan sahaja berjaya menakluki hampir semua wilayah di dunia tetapi juga dapat menakluki fikiran dan menyemaikan nilai-nilai hidup dan falsafah mereka. -- Lagi.

▼03/06/11-52MST

CNS1117

U GB 03-06 00141 BD993

bah

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

"Konsep dan prinsip-prinsip keadilan mereka telah disebarkan sehingga dunia taksud dengannya dan tidak lagi menyoal akan baik buruknya konsep dan prinsip-prinsip itu," katanya.

Dr Mahathir berkata prinsip sebenar yang dipegang oleh Barat dan sebahagian besar daripada tamadun dunia sekarang ialah "kekuatan adalah kebenaran."

Katanya, oleh kerana kuasa-kuasa Barat adalah kuat, maka apa sahaja yang mereka lakukan dianggap adil.

Oleh kerana orang Serb kuat maka rampasan wilayah Islam oleh mereka dihalalkan, katanya.

Beliau berkata, oleh kerana negara Islam dan orang Islam adalah lemah maka segala perbuatan mereka dianggap tidak benar dan tidak adil.

"Percubaan orang Islam untuk menegakkan semula konsep keadilan seperti yang disarankan oleh agama Islam dikecam oleh Barat sebagai percubaan untuk menegakkan semula cara-cara pemikiran yang sudah lapuk," kata beliau. -- Lagi.

▼03/06/11-59MST

CNS1149

R GB 03-06 00167 BD997 "

bah

Mahathir - Islam 3 Kuala Lumpur

"Bahayanya ialah dalam kekecewaan dengan kelemahan dan kegagalan kita, orang Islam akan bertindak tidak seperti yang diajar oleh agama." katanya.

Beliau berkata kerana kecewa mereka mungkin mengganas dan melakukan jenayah yang sama seperti dilakukan oleh musuh mereka, yang secara tidak langsung membenarkan dakwaan orang Barat.

Inilah yang sedang berlaku di kalangan ekstrimis Islam, katanya.

Perdana Menteri berkata Barat bercakap mengenai pemerintahan berasaskan undang-undang, hak kemanusiaan dan demokrasi atau kuasa suara ramai, tanpa mengambil kira ada undang-undang ciptaan manusia yang tidak adil, ada hak manusia yang keterlaluan dan ada suara ramai yang tidak waras.

"Undang-undang antarabangsa pula dibentuk supaya memberi hak kepada yang kuat menindas yang lemah. Demokrasi atau suara ramai seperti di kalangan orang Serb di Bosnia dihormati walaupun tujuannya menindas orang Islam Bosnia," katanya.

Beliau berkata pada waktu yang sama, Barat tidak segan silu membelakangkan prinsip-prinsip keadilan mereka sendiri jika perbuatan ini perlu bagi kepentingan mereka. -- Lagi.

▼03/06/12-51MST

R GB 03-06 00172 BD998

bah

Mahathir - Islam 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, di Asia Barat, mereka kononnya bertindak untuk melindungi orang Kuwait daripada kezaliman Iraq dan berdasarkan kepada prinsip kemanusiaan dan keadilan.

"Tetapi apabila keganasan orang Serb terhadap orang Islam Bosnia jelas berlaku, mereka memberi seribu alasan kerana tidak bertindak melawan orang Serb," katanya.

Menurut Dr Mahathir, sebenarnya mereka bertindak di Kuwait kerana ingin melindungi sumber minyak mereka, manakala disebabkan tiada apa-apa kepentingan di Bosnia, mereka sanggup membenarkan orang Serb membunuh, mengganas dan menindas orang Islam Bosnia.

Perdana Menteri berkata, kepincangan masyarakat di dunia hari ini kerana masyarakat antarabangsa tidak mengamalkan prinsip keadilan dan begitu zalim terhadap golongan-golongan yang lemah.

"Baqi kuasa besar, Serb yang kuat adalah benar dan orang Islam yang lemah adalah salah dan tidak berhak. Namun kuasa-kuasa Barat ini masih mendakwa diri mereka benar dan adil.

"Apakah dapat mereka menerima konsep dan prinsip keadilan Barat ini sebagai asas keadilan bagi masyarakat mereka?," tanya beliau. -- Bernama.

MSZ AZ.

1998/06/12 5AMST